Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 23 - 25 FEBRUARI 2021**

**BIL. 8 /2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 25 Februari 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 263,761** atau 89.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **28,837 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **1,924 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **293,698 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.7 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **1,543 kes atau 80.4 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 6 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.3 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (21.7 peratus), Zon Selatan (19.3 peratus), Zon Utara (9.9 peratus) dan Zon Pantai Timur (4.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor dan Johor** dengan masing-masing **merekodkan 666 dan 257 kes** disusuli Sarawak (219 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (218 kes), Pulau Pinang (162 kes), Perak (120 kes) dan Sabah (93 kes). Sejumlah **1,100 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **12 kematian terbaru.**

Krisis kesihatan yang berpanjangan ini turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ekonomi dunia digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

AS: **Statistik yang dikeluarkan oleh Commerce Department AS menunjukkan lonjakan jualan kediaman baharu di AS pada bulan Januari 2021** yang jauh lebih besar daripada yang dijangkakan. Penjualan kediaman baharu meningkat 4.3% kepada 923,000 pada bulan Januari setelah melonjak 5.5% pada bulan Disember 2020. Penganalisis ekonomi menjangkakan jualan kediaman baharu meningkat 1.5% kepada 855,000 daripada 842,000 yang dilaporkan pada bulan sebelumnya. (RTT)

EU**: Semakan ke atas KDNK Jerman bagi ST4 2020 menunjukkan ekonomi negara berkenaan bertumbuh lebih tinggi daripada anggaran awalan.** KDNK Jerman disemak meningkat kepada 0.3% pada ST4 2020 berbanding 0.1% yang dianggarkan sebelumnya. Pertumbuhan ST4 2020 yang lebih baik disokong oleh pelaburan infrasturktur dan eksport. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini jauh lebih perlahan daripada pemulihan 8.5% yang dicatatkan pada suku ketiga 2020 yang dipengaruhi oleh pelaksanaan semula sekatan

pergerakan pada akhir tahun 2020. Selain itu, **tinjauan oleh Pejabat Statistik Rasmi Perancis, INSEE menunjukkan keyakinan sektor Pembuatan Perancis meningkat sedikit pada Februari** walaupun krisis kesihatan COVID-19 masih berlanjutan. Indeks keyakinan sektor Pembuatan meningkat kepada 97 pada bulan Februari dari 96 pada bulan sebelumnya. Tinjauan turut mendapati maklumbalas berkenaan pesanan *(book order)* secara keseluruhan bertambah baik pada bulan Februari dengan menunjukkan peningkatan kepada -25 dari -29 yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. (RTT)

ASIA: **Eksport Taiwan pada bulan Januari meningkat lebih dari yang dijangkakan untuk bulan ke-11 berturut-turut.** Peningkatan ini didorong oleh permintaan ke atas produk telekomunikasi termasuk telefon pintar yang baru dilancarkan oleh pemain industri utama seperti Apple Incorporated. Eksport Taiwan melonjak 49.3% dari tahun sebelumnya kepada USD52.72 bilion pada bulan Januari 2021. Sementara itu, **Kerajaan Hong Kong (HK) membelanjakan HKD120 bilion untuk merangsang ekonomi** yang terkesan oleh penularan wabak COVID-19. Ekonomi negara berkenaan menyusut 6.1% pada tahun 2020, yang merupakan kejatuhan tahunan terbesar dan juga pertama kalinya Hong Kong mencatat penguncupan selama dua tahun berturut-turut. Dengan mengambil kira situasi dalaman dan luaran serta kesan rangsangan langkah fiskal, ekonomi diunjurkan tumbuh 3.5% hingga 5.5% tahun ini. (Reuters, RTT)

AS: **Keyakinan pengguna di AS meningkat ke paras tertinggi tiga bulan pada bulan Februari** seiring pemulihan pasaran buruh dan keadaan ekonomi semasa. Indeks sentimen Conference Board AS (*Conference Board's Sentiment Index*) meningkat kepada 91.3 daripada bacaan 88.9 pada bulan Januari 2021. Indeks sentimen keadaan semasa pula meningkat kepada 92 dari 85.5 pada bulan Januari 2021. Peningkatan sentimen berlaku apabila Kerajaan AS sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pakej rangsangan ekonomi bernilai USD1.9 trilion yang merangkumi pakej bantuan tambahan dan faedah pengangguran yang diperluas. Pengedaran vaksin terus meningkat dengan lebih daripada 40 juta rakyat AS telah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntukan. (Bloomberg)

UK: **Hasil tinjauan oleh Confederation of British Industry melalui Survei Perdagangan Edaran menunjukkan, peruncit di UK menjangkakan penjualan akan jatuh pada bulan Mac 2021**. Tinjauan mendapati, imbangan bersih sebanyak 45% dari keseluruhan responden menyatakan penjualan menurun berbanding -50% pada bulan Januari. Namun, 62% meramalkan penjualan akan menurun lebih jauh pada bulan Mac 2021. Bagi pesanan runcit, imbangan bersih mencatatkan -36% berbanding -45% pada Januari 2021. Walau bagaimanapun, 59% menjangkakan kemerosotan lagi pada tahun hingga Mac 2021. Secara perincian, hanya kategori pekedai runcit mencatatkan peningkatan pada bulan Februari, manakala jualan bukan kedai tidak berubah dan sektor runcit lain pula melaporkan penurunan yang mendadak. Sementara itu, **laporan lain menunjukkan kadar pengangguran UK meningkat kepada paras tertinggi lima tahun pada ST4 2020 ketika wabak COVID-19 terus membebani pasaran buruh berikutan sekatan**

**pergerakan ketat yang berterusan**. ONS melaporkan, kadar pengangguran UK meningkat kepada 5.1% dan merupakan yang tertinggi sejak 2016. Berbanding suku tahun sebelumnya, kadar pengangguran UK meningkat 0.4% mata lebih tinggi. Pada masa yang sama, kadar pekerjaan turun -0.3% dari ST3 2020 kepada 75.0%. Bilangan guna tenaga yang mencari pekerjaan meningkat sebanyak 121,000, sementara pekerjaan menurun sebanyak 144,000. (RTT)

ASIA: **Indeks Harga Pengguna (IHP) Singapura meningkat 0.2% tahun ke tahun pada bulan Januari 2021**, setelah kekal tidak berubah pada bulan Disember 2020. Ini sejajar dengan jangkaan penganalisis ekonomi. Peningkatan IHP ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan inflasi ke atas input, harga bahan api dan inflasi tempat tinggal. Inflasi teras tidak termasuk kos penginapan dan pengangkutan, turun -0.2% tahun ke tahun pada Januari berbanding penurunan -0.3% pada bulan sebelumnya. Sementara itu, **Kementerian Kewangan Indonesia meningkatkan bajet pemulihan wabak COVID-19** bagi mengendalikan pandemik berkenaan dan membantu pulihan ekonomi kepada Rp699.43 trilion (USD49.6 bilion). Bajet ini telah disemak beberapa kali dari angka awal Rp372.3 trilion dan angka baru menunjukkan kenaikan 21% dari perbelanjaan pandemik yang direalisasikan tahun lalu. (Reuters, RTT)

AUSTRALIA: **Eksport Australia mencatatkan penurunan pada bulan Januari 2021.** Penurunan ini disebabkan oleh kejatuhan eksport bijih besi pada kadar -9%. Manakala eksport bijih logam turun -10%, eksport daging susut -39% dan eksport arang batu turun -8%. Sementara itu, Import turut mencatatkan penurunan pada kadar -10% dari bulan sebelumnya. Data menunjukkan bahawa import kenderaan darat merosot -23% iaitu penurunan pertama sejak Mei 2020. Import jentera am industri turun -16% dan import lain-lain barangan pembuatan turun -13%. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Bank Dunia** meramalkan pertumbuhan **ekonomi Malaysia antara 5.6 peratus hingga 6.7 peratus bagi tahun 2021** susulan **pelancaran program vaksinasi COVID-19** secara global dan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 4.0%. Kerajaan menyasarkan **80 peratus atau 27 juta** penduduk **Malaysia** akan divaksinasikan menjelang **suku pertama** tahun **2022** bagi mencapai imuniti kelompok.

2. Prospek ekonomi yang lebih baik dijangkakan pada bulan-bulan ke hadapan dengan mengambil kira prestasi terkini **Indeks Pelopor (IP)** Malaysia dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. IP **mencatatkan 108.8 mata pada Disember 2020 daripada 101.6 mata pada Disember 2019**, kekal pada **pertumbuhan tahunan 7.1 peratus** sejak November 2020. Pengembangan IP didorong terutamanya oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia dengan Indeks Penjagaan Kesihatan dan Indeks Pengangkutan & Logistik sebagai penyumbang.

3. YAB Perdana Menteri telah melancarkan **program pendaftaran vaksinasi COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera** bagi memudahkan pelaksanaan program imunisasi itu. Majlis pelancaran tersebut diadakan selepas beliau menerima suntikan pertama daripada dua dos vaksin Pfizer-BioNTech di Pejabat Kesihatan Putrajaya, sekali gus menjadi individu pertama menerima vaksin itu di negara ini. Seramai **637,000 individu telah mendaftar** sebagai penerima menerusi medium tersebut yang dilihat sebagai medium paling berkesan untuk menyebarkan maklumat mengenai Covid-19 termasuk program vaksinasi.

4. **Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) melancarkan program eTRADE 2.0** untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) PKS Malaysia. Inisiatif ini bagi membantu **PKS** untuk **mengeksport barangan** menerusi aplikasi **eDagang** serta mempertingkatkan aktiviti pemasaran digital dan latihan berkaitan eDagang.

5. **Harga Brent naik** sebanyak **AS$1.06 setong** atau 1.6% setong selepas mencecah AS$66.38 setong. Manakala harga **minyak mentah bertambah AS$0.81** atau 1.4% kepada AS$62.51 setong selepas merekodkan paras tinggi kepada AS$62.73 setong.

6. **India** telah **mengurangkan duti import** ke atas **minyak sawit mentah** (MSM) daripada 27.5 peratus kepada **15 peratus**, berkuat kuasa 2 Feb, 2021 dalam Belanjawan 2021.

7. **Pendapatan AEON merosot 10.7 peratus kepada RM4.05 bilion** berbanding tahun sebelumnya berikutan **jualan** yang **rendah** dicatatkan dalam segmen **pakaian dan rumah**, ekoran penutupan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peningkatan semula kes COVID-19 pada suku keempat 2020.

8. Cadangan kerajaan memperkenalkan **pasport vaksin** bakal merangsang kembali sektor pelancongan negara dan sektor-sektor berkaitan dengannya. Program ini **dijangka** akan **mempercepatkan pemulihan ekonomi negara** dan aktiviti ekonomi secara menyeluruh. Ini dapat dibantu dengan pelaksanaan gelembung perjalanan dengan negara-negara terpilih.

9. **Industri penerbangan** dijangka kekal **negatif sepanjang 2021**, menurut analisis baru oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan akan **berubah positif** hanya pada **suku keempat 2021**. Separuh pertama tahun 2021 akan menjadi lebih buruk daripada yang dijangkakan sebelumnya, kerana kerajaan telah mengetatkan sekatan perjalanan sebagai tindak balas terhadap varian COVID-19 yang baru.

10. **Keuntungan kasar PetGas meningkat 11.3 peratus** atau sebanyak **RM269.3 juta** disebabkan sumbangan yang lebih besar daripada segmen pemprosesan gas, regasifikasi dan utiliti, sebahagian besarnya disumbangkan oleh kos operasi yang lebih rendah.

11. **Nestlé (Malaysia) Bhd** mencatatkan **keuntungan bersih RM552.7 juta** berikutan pertumbuhan hasil dan keuntungan kukuh berbanding tempoh yang sama pada 2019, dipacu oleh tahap penggunaan di rumah yang kukuh, pemulihan eksport dan beberapa kemajuan dalam saluran di Luar Rumah (OOH) berikutan keadaan operasi yang lebih terbuka dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

12. **Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) memperuntukkan perbelanjaan modal** berjumlah **RM1.18 bilion** pada **tahun ini** dalam usaha memacu pertumbuhannya. Sebanyak **RM600 juta hingga RM700 juta** daripada jumlah capex Perodua tahun ini diperuntukan untuk bidang pembangunan dan penyelidikan **(R&D)** termasuk pembangunan model baharu dengan sasaran 25 peratus daripada rangkaian pusat jualan akan menjadi 3S di mana tahun lepas 3S cuma 10 peratus.

13. **Kerajaan akan terus membantu** sektor pembuatan, khususnya **industri sarung tangan getah** bagi mengekalkan **kedudukan Malaysia sebagai pemain utama dalam pembekalan** sarung tangan getah kepada industri kesihatan global. Kerajaan juga berharap industri sarung tangan getah akan

terus memacu ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

14. **Kerajaan telah meluluskan 6,731 permohonan** membabitkan peruntukan berjumlah RM1.259 bilion di bawah **skim kewangan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)** sehingga 12 Februari 2021.

15. Kerajaan Persekutuan melalui **Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bekerjasama dengan kerajaan Kelantan** untuk melaksanakan pelbagai **projek berimpak tinggi** dan program modal insan untuk menjana pembangunan sosio-ekonomi negeri tersebut.

16. **Peperiksaan SPM 2020** berlangsung mulai 22 Februari 2021 melibatkan 401,105 orang pelajar selepas beberapa kali tertunda.

17. **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)** memaklumkan kementeriannya boleh memberi **nasihat dan panduan kepada usahawan pertanian** yang berminat terutama di bawah **program Agropreneur Muda**. MAFI menggalakkan usahawan mempelbagaikan tanaman mereka, selain dijadikan sebagai lokasi pelancongan dan pendidikan kepada pelajar sehinggalah kepada usahawan tani yang mahu menimba ilmu.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>23 Feb 2021<br>(*Non-essential*) | **Sabah govt announces ease of travel restrictions until March 4**<br><br>Sabah government announced an easing of travel restrictions with immediate effect until March 4.<br><br>Individuals who are now allowed to enter the state are those from Sabah; spouses of Sabahans and dependents; and long-term pass holders issued by the Sabah Immigration Department, which are still valid involving Malaysians and non-Malaysians under essential services.<br><br>Individuals who are involved in essential services, emergency cases and medical matters can travel out of Sabah with the permission of the police.<br><br>Everyone has to take the test and only those without symptoms and negative test results will be allowed to go ahead with their journey. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/23/sabah-govt-announces-ease-of-travel-restrictions-until-march-4 |
| 2. | **Bernama**<br>24 Feb 2021<br>(*Essential*) | **Ekonomi global kekal tidak seimbang tahun ini – Moody's Investor Service**<br><br>Aktiviti ekonomi global berkemungkinan tidak seimbang pada tahun ini berikutan pandemik COVID19 dan pelbagai impaknya yang memberi kesan ke atas sistem kesihatan dan ekonomi.<br><br>Dalam Prospek Makro Global 2021-2022, KDNK di semua negara G-20 akan berkembang | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1934633 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berbanding tahun lepas. Sesetengah negara akan mengambil masa lebih lama daripada yang lain untuk kembali kepada kapasiti sepenuhnya.<br><br>Ekonomi G-20 secara kolektif akan berkembang 5.3% pada 2021 dan 4.5% pada 2022, selepas penguncupan 3.3% pada 2020. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>25 Feb 2021<br>(*Essential*) | **Malaysia Airlines akan perkenal pas kesihatan perjalanan digital**<br><br>Malaysia Airlines merancang untuk memperkenalkan Pas Kesihatan Perjalanan Digital bagi membolehkan perjalanan udara yang selamat dalam tempoh pasca COVID-19.<br><br>Pengenalpastian secara digital ini akan membuka jalan untuk penumpang Malaysia Airlines dan memanfaatkan pilihan teknologi tanpa sentuh sepanjang proses perjalanan.<br><br>Penumpang boleh membuat janji temu secara mudah dengan pihak perubatan diperakui yang mengambil bahagian, untuk melakukan ujian COVID-19 RT-PCR atau melampirkan sijil vaksinasi COVID-19 mereka di telefon bimbit.<br><br>Kaedah ini akan memberi keyakinan kepada penumpang di samping menyediakan akses kepada proses perjalanan yang lancar untuk penumpang bersedia bagi perjalanan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/789932/malaysia-airlines-akan-perkenal-pas-kesihatan-perjalanan-digital |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Star**<br>25 Feb 2021<br>(*Non-essential*) | **Conferences and exhibitions now allowed in MCO states, with limits on numbers**<br><br>The meetings, incentives, conferencing and exhibitions (MICE) sector in states under the movement control order (MCO) will be allowed to resume operations from March 5 with standard operating procedures. Participants in any MICE activity would be limited to 25% of the room capacity or a maximum of 250 people, whichever is lower.<br><br>Tourism, Arts and Culture Ministry had reported that revenue from MICE activities had suffered a sharp drop last year. To restart the industry, the government decided to allow face-to-face settings and MICE activities. MICE activities have already been kickstarted in states under conditional and recovery MCO. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/02/25/conferences-and-exhibitions-now-allowed-in-mco-states-with-limits-on-numbers |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 2:

   i. Ekonomi G-20 secara kolektif akan berkembang 5.3% pada 2021 dan 4.5% pada 2022, selepas penguncupan 3.3% pada 2020. Amerika Syarikat yang ekonominya pada kadar tahunan 2.0% pada suku keempat 2020 akan membawa pemulihan terhadap permintaan perkhidmatan global pada 2021-2022, didorong oleh kawalan pandemik yang dipertingkatkan, sokongan fiskal tambahan dan persekitaran dasar yang lebih dapat diramalkan.

   ii. Bank Dunia meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 5.6 peratus hingga 6.7 peratus bagi tahun 2021 susulan pelancaran program vaksinasi COVID-19 secara global dan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 4.0%. Kerajaan menyasarkan 80 peratus atau 27 juta penduduk Malaysia akan divaksinasikan menjelang suku pertama tahun 2022 bagi mencapai imuniti kelompok.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah bermula dijangka dapat merancakkan lagi ekonomi Malaysia dengan pembukaan keseluruhan sektor-sektor utama. Pada tahun 2020, ekonomi Malaysia merosot 5.6% dan pada ST4 2020, ekonomi Malaysia menguncup lebih rendah iaitu 3.4% berbanding ST3 2020 iaitu -2.6%. | | | |
| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Sinar Harian**<br>23 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Canggih tawar diskaun 30 peratus**<br><br>Pengilang dan pembekal pakaian seragam sekolah berjenama Canggih, My-Sutera Sdn Bhd menawarkan diskaun sebanyak 30 peratus bagi pembelian barangan sekolah melalui platform dalam talian miliknya, schoolmall.com.my.<br><br>Canggih memaklumkan, potongan harga itu ditawarkan untuk pembelian barang sekolah di laman web berkenaan bermula 21 Februari hingga 10 Mac 2021. Pembeli hanya perlu memasukkan Promo Kod 'Canggih30' apabila membuat pembelian. | https://www.sinarharian.com.my/article/125249/BISNES/Canggih-tawar-diskaun-30-peratus |
| 2. | **Malaysia Gazette**<br>23 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Harga minyak melonjak AS$1**<br><br>Harga minyak melonjak lebih AS$1 hari ini disebabkan pengeluaran minyak Amerika Syarikat (AS) lebih perlahan selepas Texas dilanda cuaca sejuk beku.<br><br>Pengeluaran minyak syal di selatan Amerika Syarikat akan mengambil masa sekurang- | https://malaysiagazette.com/2021/02/23/harga-minyak-melonjak-as1/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kurangnya dua minggu untuk kembali mengeluarkan lebih dua juta tong sehari. | |
| 3. | **Malaysia Gazette**<br>23 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Cukai baharu akan mansuhkan 'kelebihan minyak sawit', kata Kumpulan Perdagangan India**<br><br>Cukai pertanian baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan India akan memansuhkan 'kelebihan tidak wajar' yang dinikmati oleh minyak sawit dalam pasaran tempatan.India telah mengurangkan duti import ke atas minyak sawit mentah (MSM) daripada 27.5 peratus kepada 15 peratus, berkuat kuasa 2 Feb, 2021 dalam Belanjawan 2021. | https://malaysiagazette.com/2021/02/23/cukai-baharu-akan-mansuhkan-kelebihan-minyak-sawit-kata-kumpulan-perdagangan-india/ |
| 4. | **Berita Harian**<br>24 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Ekonomi Malaysia dijangka kembali seperti sebelum pandemik awal 2022**<br><br>Ekonomi Malaysia dijangka kembali ke paras kukuh yang dicatatkan sebelum penularan pandemik COVID-19 menjelang suku pertama 2022. Pemulihan ekonomi global akan menyumbang kepada pemulihan kukuh ekonomi negara ini memandangkan Malaysia adalah sebuah ekonomi terbuka dan negara perdagangan, yang mana pertumbuhan global mempengaruhi pemulihan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/789710/ekonomi-malaysia-dijangka-kembali-seperti-sebelum-pandemik-awal-2022 |
| 5. | **Utusan Malaysia**<br>24 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Petron kekal dalam fasa pemulihan**<br><br>Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd. (PMRMB) merekodkan pendapatan bersih | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/petron-kekal-dalam-fasa-pemulihan/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sebanyak RM42 juta pada suku keempat 2020, meningkat 45 peratus daripada RM29 juta suku sama tahun sebelumnya.<br><br>Jumlah jualan Petron pada suku keempat 2020, bagaimanapun masih rendah berbanding suku sama 2019 ekoran pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. | |
| 6. | **Bernama**<br>24 Feb 2021<br>*(Essential)* | **AEON saw gradual recovery in profitability with higher PBT for the 4Q Y2020**<br><br>AEON Co (M) Bhd's net profit for the financial year ended 31 Dec 2020 fell to RM41.42 million from RM109.229 million.<br><br>Revenue also declined 10.7 per cent to RM4.05 billion from RM4.54 billion previously due to lower revenue from the retailing segment and property management services by RM387.6 million and RM100 million.<br><br>This revenue from its retail segment was effected by lower non-essential category sales namely hardline and softlines product as a result of the COVID-19 pandemic and Movement Control Order (MCO). | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1934824#.YDdAG_ydAX8.whatsapp |
| 7. | **Astro Awani**<br>24 Feb 2021<br>*(Essential)* | **2.54 juta rakyat terima bayaran fasa pertama BPR bermula hari ini**<br><br>Seramai 2.54 juta penerima akan menerima bayaran fasa pertama Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/254-juta-rakyat-terima-bayaran-fasa-pertama-bpr-bermula-hari-ini- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berjumlah RM1.93 bilion bermula 24 Februari 2021. | tengku-zafrul-284558 |
| 8. | **Berita Harian**<br>25 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Harga emas jatuh dua bulan berturut-turut**<br><br>Harga emas menuju kepada penurunan bulanan kedua berturut-turut apabila kenaikan pulangan bon menjejaskan permintaan terhadap logam itu yang tidak menanggung kadar faedah. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/02/790015/harga-emas-jatuh-dua-bulan-berturut-turut |
| 9. | **Harian Metro**<br>25 Feb 2021<br>*(Essential)* | **D55L dilancar 3 Mac**<br><br>PERODUA D55L atau namanya yang belum diumumkan secara rasmi, Ativa bakal dilancarkan menerusi platform digital pada 3 Mac 2021.<br><br>Ia sekali gus bakal menamatkan penantian bagi model kenderaan utiliti sukan (SUV) kompak pertama keluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di bawah rangka tindakan Perodua Smart Build.<br><br>Perodua D55L yang tempahannya mula dibuka Jumaat lalu dianggarkan akan ditawarkan pada harga antara RM62,500 hingga RM73,400. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/02/678019/d55l-dilancar-3-mac |

Penemuan penting & isu:

1. Canggih menawarkan diskaun sebanyak 30 peratus pembelian barang sekolah di platform dalam talian miliknya, schoolmall.com.my bermula 21 Februari hingga 10 Mac 2021.
2. Harga Brent naik sebanyak AS$1.06 setong atau 1.6% setong selepas mencecah AS$66.38 setong. Manakala harga minyak mentah bertambah AS$0.81 atau 1.4% kepada AS$62.51 setong selepas merekodkan paras tinggi kepada AS$62.73 setong.

3. India telah mengurangkan duti import ke atas minyak sawit mentah (MSM) daripada 27.5 peratus kepada 15 peratus.
4. Ekonomi Malaysia dijangka kembali ke paras kukuh yang dicatatkan sebelum penularan pandemik COVID-19 menjelang suku pertama 2022.
5. Petron merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM42 juta pada suku keempat 2020, meningkat 45 peratus daripada RM29 juta suku sama tahun sebelumnya.
6. Pendapatan AEON merosot 10.7 peratus kepada RM4.05 bilion berbanding tahun sebelumnya berikutan jualan yang rendah dicatatkan dalam segmen pakaian dan rumah, ekoran penutupan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peningkatan semula kes COVID-19 pada suku keempat 2020.
7. Seramai 2.54 juta penerima akan menerima bayaran fasa pertama Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) berjumlah RM1.93 bilion.
8. Harga emas susut lima peratus pada 2021 selepas mencatatkan kenaikan tahunan tertinggi dalam tempoh sedekad.
9. PERODUA D55L atau namanya yang belum diumumkan secara rasmi, Ativa bakal dilancarkan menerusi platform digital pada 3 Mac 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Ekonomi Malaysia dijangka akan pulih awal 2022 berikutan pemulihan ekonomi global dan pelaksanaan program imunisasi COVID-19.
2. Industri Jualan Kenderaan Bermotor dijangka akan terus berkembang dengan tawaran model-model baharu dari syarikat pengeluar di Malaysia.
3. Pemberian Bantuan Prihatin Rakyat akan merancakkan industri perdagangan runcit negara.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Times**<br>23 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Global average steel price to reach US$660 in 2021: Fitch Solutions**<br><br>The global average steel price is likely to reach US$660 per tonne in the near-term as demand stabilises following the sharp recovery this year.<br><br>The rebounding global steel demand from Covid-19 was outpacing mill restarts in Europe and the Americas, leading to a steel supply crunch. | https://www.nst.com.my/business/2021/02/668160/global-average-steel-price-reach-us660-2021-fitch-solutions |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | While China's production and consumption of steel in 2021 will be well above pre-pandemic levels, 2021 output and demand will still lag pre-Covid levels for most countries. | |
| Penemuan penting & isu:<br>1. Purata Harga keluli global berkemungkinan mencecah AS $ 660 per tan dalam jangka masa terdekat kerana permintaan stabil berikutan pemulihan mendadak tahun ini. Permintaan keluli global yang pulih dari Covid-19 telah melampaui pengeluaran kilang di Eropah dan Amerika, yang menyebabkan kemerosotan bekalan keluli. | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Nilai eksport besi dan keluli adalah RM22,679 juta pada 2020 dan mencatatkan penurunan sebanyak RM1,587 juta atau 7.5 peratus berbanding tempoh yang sama 2019. Eksport besi dan keluli menyumbang 2.1 peratus kepada keseluruhan eksport barangan. Import besi dan keluli pula bernilai RM20,489 juta pada 2020 dan turut mencatatkan penurunan sebanyak RM6,099 juta atau 22.9 peratus. Import besi dan keluli menyumbang 2.4 peratus kepada keseluruhan import barangan. | | | |
| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Utusan Malaysia**<br>23 Feb 2021<br>*(Essential)* | **PetGas untung RM2.01 bilion 2020**<br><br>PETALING JAYA: Petronas Gas Berhad (PetGas) mencatatkan keuntungan bersih lebih tinggi tahun lalu berbanding tahun sebelumnya pada RM2.01 bilion. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/petgas-untung-rm2-01-bilion-2020/ |
| 2. | **Berita Harian**<br>23 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Nestlé Malaysia catat untung bersih RM552.7 juta**<br><br>KUALA LUMPUR: Nestlé (Malaysia) Bhd mencatatkan satu lagi keputusan mantap bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, apabila meraih pendapatan berjumlah RM5.4 bilion dan | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/789343/nestl%C3%A9-malaysia-catat-untung-bersih-rm5527-juta |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | keuntungan bersih RM552.7 juta, meskipun berdepan persekitaran mencabar dicetuskan COVID-19. | |
| 3. | **Bernama**<br>24 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Denso Malaysia akan melabur RM 160 juta bagi projek semikonduktor**<br><br>KUALA LUMPUR, 24 Feb – Denso Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat pembekal system dan komponen mobiliti global utama Denso Corporation Jepun akan melabur RM 160 juta untuk terlibat dalam pengeluaran semikonduktor automotif terkini di Selangor. | https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1934660 |
| 4. | **Berita Harian**<br>24 Feb 2021<br>*(Essential)* | **Metronic sasar AS$1 bilion daripada kit ujian sistem imun COVID-19**<br><br>KUALA LUMPUR: Metronic Global Bhd menjangka meraih perolehan AS$1 bilion daripada monopolinya dalam rantaian kit ujian sistem imun COVID-19 di seluruh dunia. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/02/789564/metronic-sasar-as1-bilion-daripada-kit-ujian-sistem-imun-covid-19 |
| 5. | **The Edge Market**<br>25 Feb 2021<br>*(Essential)* | **MSM FY20 net loss narrows to RM71.23m**<br><br>KUALA LUMPUR (Feb 25): MSM Malaysia Holdings Bhd's net loss for the financial year ended Dec 31, 2020 (FY20) narrowed to RM71.23 million from RM299.77 million a year earlier. | https://www.theedgemarkets.com/article/msm-narrows-fy20-net-loss-rm7123m |
| 6. | **Utusan Malaysia**<br>25 Feb 2021<br>*(Essential)* | **R&D, Perodua peruntuk RM700 juta**<br><br>RAWANG: Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) memperuntukkan perbelanjaan | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/02/rd-perodua-peruntuk-rm700-juta/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | modal berjumlah RM1.18 bilion pada tahun ini dalam usaha memacu pertumbuhannya. | |
| 7. | **Malay Mail**<br>23 Feb 2021<br>*(Non-Essential)* | **Construction work delayed by six months nationwide due to MCO**<br><br>The Covid-19 pandemic and implementation of the movement control order (MCO) has affected the construction and housing development industry as all construction works had to be shut down for several months in compliance with the Covid-19 standard operating procedures (SOPs) and regulations. As a result, the progress of construction work was delayed by at least six months due to the MCO. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/02/23/construction-work-delayed-by-six-months-nationwide-due-to-mco/1952180 |

Penemuan penting & isu:

1. Keuntungan kasar PetGas meningkat 11.3 peratus atau sebanyak RM269.3 juta disebabkan sumbangan yang lebih besar daripada segmen pemprosesan gas, regasifikasi dan utiliti, sebahagian besarnya disumbangkan oleh kos operasi yang lebih rendah

2. Untung bersih Nestle (Malaysia) adalah berikutan pertumbuhan hasil dan keuntungan kukuh berbanding tempoh yang sama pada 2019, dipacu oleh tahap penggunaan di rumah yang kukuh, pemulihan eksport dan beberapa kemajuan dalam saluran di Luar Rumah (OOH) berikutan keadaan operasi yang lebih terbuka dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

3. Pelaburan yang dilakukan oleh Denso Malaysia akan menghasilkan barisan pengeluaran mesin automatik sepenuhnya dengan kelengkapan pembuatan yang direka Denso dan teknik pemprosesan unik dan menumpukan kepada kecekapan tinggi dan berkualiti tinggi.

4. Metronic Global Bhd menerima pra-pesanan bagi sejumlah 50 juta kit ujian daripada syarikat di Asia Tenggara serta menjangkakan kuantiti jualan kit ujian dijangka mencecah 152 juta, mewakili hanya dua peratus daripada jumlah penduduk dunia dalam tempoh dua tahun akan datang.

5. Dengan pelaksanaan program vaksinasi, MSM menjangkakan penggunaan gula nasional akan meningkat secara beransur-ansur di samping menuju kearah pengoptimuman kapasiti dan asset serta menjangka persekitaran perniagaan akan tetap optimis.

6. Sebanyak RM600 juta hingga RM700 juta daripada jumlah capex Perodua tahun ini diperuntukan untuk bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D) termasuk pembangunan model baharu dengan sasaran 25 peratus daripada rangkaian pusat jualan akan menjadi 3S di mana tahun lepas 3S cuma 10 peratus.

7. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (MCO) telah mempengaruhi aktiviti sektor pembinaan kerana semua kerja pembinaan terpaksa ditutup selama beberapa bulan untuk penyesuaian dengan standard operasi prosedur (SOP) Covid-19. Akibatnya, kemajuan kerja pembinaan terpaksa ditangguhkan sekurang-kurangnya enam bulan dan seterusnya memperlambat pengumpulan pendapatan syarikat serta menjadikan perniagaan sukar bertahan kerana aliran tunai yang ketat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum walaupun PKP dilaksanakan, aktiviti ekonomi masih diteruskan dan syarikat mengambil langkah dan inisiatif untuk terus memulihkan keadaan ekonomi terutamanya di sektor Pembuatan dan Pembinaan.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Malaysia Gazette 23 Feb 2021** *(Non-essential)* | **Pasport Vaksin bolehkan pelancong kembali Ke Malaysia**<br><br>Cadangan kerajaan memperkenalkan pasport vaksin bakal merangsang kembali sektor pelancongan negara dan sektor-sektor berkaitan dengannya. Inisiatif itu juga akan membolehkan pelancong-pelancong antarabangsa terutamanya pelancong kesihatan kembali ke negara ini yang mana mampu membantu pemulihan ekonomi negara dan dalam masa yang sama mengawal jangkitan | https://malaysiagazette.com/2021/02/23/pasport-vaksin-bolehkan-pelancong-kembali-ke-malaysia/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Covid-19. Ini boleh dilakukan dengan melaksanakan gelembung perjalanan dengan negara-negara yang telah menjalankan program imunisasi atau mempunyai kes jangkitan yang rendah seperti Singapura, Australia dan New Zealand. Bagi negara-negara yang masih mencatatkan kadar jangkitan Covid-19 yang tinggi, kerajaan boleh menyarankan individu berkenaan menerima suntikan vaksin terlebih dahulu serta membuktikan tidak mempunyai simptom. | |
| 2. | **The Malaysian Reserve**<br>**24 Feb 2021**<br>*(Non-Essential*) | **MSBC hopes Malaysia-Singapore business travel bubble will resume soon**<br><br>The Malaysia-Singapore Business Council (MSBC) is hoping the business travel bubble between the two countries can be reinstated as soon as possible to restore vibrant trade and economic activities. The reinstatement would facilitate quarantine-free or reduced quarantine business travel arrangement between the two closely connected neighbours and especially benefit Johor which counted Singapore as one of the state's top investors. MSBC supports the call for a "universal certification" to be issued to those who have been vaccinated to ease mobility of people and revive the travel sector within the region. | https://themalaysianreserve.com/2021/02/24/msbc-hopes-malaysia-singapore-business-travel-bubble-will-resume-soon/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
